

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	23/10/2019	MUKA SURAT	: 49
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Ops Bersepadu Khazanah

# Pemburu haram tumpas

7 warga asing antara 10 individu ditahan bersama hasil rampasan cecah RM1 juta

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Gading, gajah, kulit harimau, sisik tenggiling, bulu burung kuang, daging babi salai, kayu gaharu dan lebih 100 jerat antara barangan dirampas dalam Ops Bersepadu Khazanah (OBK) di beberapa kawasan hutan simpan di Semenanjung, bermula 10 Oktober lalu.

Melalui operasi khas itu, tujuh pemburu haram warga asing dan tiga rakyat tempatan turut ditahan bersama pelbagai bahagian binatang liar dan kayu gaharu berkenaan dengan nilai keseluruhan barangan rampasan itu hampir mencecah RMI juta.

OBK kali ini dilaksanakan oleh Batalion 3 (Senoi Praaq) PGA Bidor; Perak; Batalion 18 PGA Pengkalan Hulu, Perak bersama Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Timbalan Pengarah Keselama-



**Mastor (liri) pada sidang media** Ops Bersepadu Khazanah di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, semalam.

Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Mastor Mohd Arif, berkata tangkapan pertama membabitkan seorang lelaki tempatan di FELCRA Sungai Temau, Kuala Lipis, Pahang pada 10 Oktober lalu.

Katanya, sebahagian kulit harimau, sisik tenggiling, duri landak dan siang hidupan liar dirampas daripada lelaki berkenaan.

"Tangkapan kedua membabitkan dua lelaki tempatan di Kampung Padang Kunyit, Gerik, Pe-

rang Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Mastor Mohd Arif, berkata tangkapan pertama membabitkan seorang lelaki tempatan di FELCRA Sungai Temau, Kuala Lipis, Pahang pada 10 Oktober lalu.

Katanya, sebahagian kulit harimau, sisik tenggiling, duri landak dan siang hidupan liar dirampas daripada lelaki berkenaan.

"Tangkapan kedua membabitkan dua lelaki tempatan di Kampung Padang Kunyit, Gerik, Pe-

rang Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman, Datuk Mastor Mohd Arif, berkata tangkapan pertama membabitkan seorang lelaki tempatan di FELCRA Sungai Temau, Kuala Lipis, Pahang pada 10 Oktober lalu.

merampas 162 jerat nilon, seki-logram kayu gaharu dan empat bahagian daging babi salai. Kita turut merampas lima kapak dan parang serta satu alat mengambil kayu gaharu," katanya.

Beliau berkata, operasi seterusnya membabitkan serbuan seribu khemah transit di Hutan Simpan Tembat, Hulu Terengganu, Terengganu pada 20 Oktober lalu yang membawa penahanan enam lelaki Kemboja bersama satu gading gajah, empat bulu burung kuang, dua rantai taring dan hidupan liar serta satu cengkeraung kura-kura.

"Tujuh alat pencuci gaharu, 12 kapak dan parang turut dirampas daripada mereka," katanya.

Mastor berkata, pegawai dan anggota Senoi Praaq yang memiliki kepakaran menjebak, berada dalam hutan hampir sebulan untuk menjelaki pemburu haram dan penceroboh hutan berkenaan dengan kumpulan itu dihantar ke lokasi menggunakan helikopter Pasukan Gerakan Udara (PGU) dan bot Pasukan Polis Marin (PPM).

"Berdasarkan modus operandi digunakan, pemburu haram kebiasaannya mendirikan khemah transit sebagai tempat tinggal sementara dan pusat mengumpul hasil buruan dan tinggal di hutan untuk tempoh sebulan hingga tiga bulan," katanya.